

31/07/1997

Negara penerima perlu berani

ad Zaini Kamaruzzaman; Ahmad Ghazali Musa; Halim Yusoff

LANGKAWI, Rabu - Sikap negara penerima yang terasa terhutang budi dan seterusnya takut menegur negara penderma, akan hanya menidakkan segala-gala yang dikorbankan negara-negara penerima ketika memperjuangkan kemerdekaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara penderma sebenarnya perlu juga terhutang budi kepada negara penerima seperti mana negara penerima terasa terhutang budi kepada mereka.

Ini kerana negara penderma juga mendapat pulangan daripada bantuan yang dihulurkan kepada negara penerima.

"Kita bukan tidak terasa terhutang budi kepada penderma, tetapi apabila kita menerima sesuatu daripada seseorang kita akan terasa terhutang budi dan paling kurang menyatakan terima kasih.

"Selepas menyatakan terima kasih, kita tidak tergamak pula untuk berkasar (dengan penderma). Kita tidak mengkritik mereka.

"Walaupun, kita tahu mereka melakukan sesuatu yang salah, kita diam saja kerana terhutang budi. Saya berpendapat ini akan hanya menidakkan segala-galanya yang dikorbankan dan darah yang ditumpahkan dalam beberapa tahun memperjuangkan kemerdekaan," kata Perdana Menteri pada ucapan penutup Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID'97) yang berakhir di sini, hari ini.

Dialog itu, ketiga dalam sirinya, berlangsung selama tiga hari dengan penyertaan 360 dari seluruh dunia, termasuk beberapa ketua negara dan kerajaan.

Dr Mahathir berkata, konsep perkongsian pintar yang dipelopori LID'97 boleh mengelak suasana di mana hanya negara akan terasa terhutang budi kepada negara penderma.

Menurutnya, perkongsian pintar bermakna penderma juga akan terasa terhutang budi kepada penerima seperti mana penerima terasa terhutang budi kepada penderma.

"Cara itu lebih saksama. Kita tidak akan terasa terlalu terhutang budi. Malahan, mereka berasa terhutang budi seperti mana kita rasa.

"Ini kerana segala apa mereka beri kepada kita, mereka akan mendapat pulangan. Apa yang kita terima, kita juga perlu berterima kasih, tetapi pada masa yang sama, kita perlu menyedari kita juga sudah memberi sesuatu," katanya.

Dr Mahathir yang turut terbabit sebagai pengantara dalam salah satu daripada perbincangan di LID'97, berkata jika adapun perasaan terhutang budi ia mestilah datang daripada keada-dua pihak, iaitu penderma dan pemberi.

"Itulah cara perkongsian pintar," katanya.

Mengenai dialog LID, Dr Mahathir berkata ia kini sudah diterima luas dengan dua lagi dialog seumpamanya dianjurkan, iaitu Dialog Antarabangsa Barbados dan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID).

Katanya, kini Jordan pula menyatakan hasrat menganjurkan dialog seumpamanya dan mungkin dialog pada 1999 akan diadakan di Amman. LID 1998 akan diadakan secara bersama dengan SAID 98 di Namibia.

LID dianjurkan bersama oleh Kumpulan Teknologi Tinggi Industri Kerajaan Malaysia (Might) dan Perkongsian Komanwel Bagi Teknologi Tinggi (CPTM).

Sementara itu pada sidang akhbar bersama-sama dengan ketua-ketua negara dan kerajaan lain selepas tamatnya dialog itu, Perdana Menteri berkata faedah yang diperolehi negara peserta LID 97 bergantung kepada tindakan

lanjut di peringkat kerajaan dan sektor swasta masing-masing.

Katanya, interaksi kedua-dua pihak dalam pelbagai bidang menerusi konsep perkongsian pintar akan memastikan kerajaan serta swasta memperoleh keuntungan bersama.

"Perkongsian adalah penunjuk jalan bagi mencapai objektif dialog dan menguntungkan kedua-dua pihak. Ia bukan perkongsian yang mana satu rakan kongsi menjadi kuasa penentu atau rakan kongsi lain memperoleh semuanya, manakala sebelah pihak terus bermimpi.

"Kita menjangka oleh kerana semua peserta pemimpin kerajaan dan sektor swasta menghargai kandungan perbincangan dialog kali ini, mereka boleh memanfaatkan idea perkongsian pintar sama ada di peringkat kerajaan atau antara kerajaan," katanya.

(END)